

28 DALAM NEGERI

Angkasa jadi pusat rujukan bidang koperasi

Oleh ZUHAYATI YAZID

pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 4 OKT.

ANGKATAN Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) kini menjadi pusat rujukan dan peneraju dalam pengurusan koperasi di luar negara.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, banyak koperasi dari luar negara muhau mempelajari dan muhau mencontohi formula yang digunakan dalam pengurusan bidang koperasi yang diuruskan Angkasa.

"Tahun lalu sahaja, sebanyak 35 buah negara datang mengadakan lawatan dan melihat cara pengurusan terutama dalam bidang perdagangan, perniagaan, produk kesihatan, makanan halal dan kewangan Islam yang dikenalkan Angkasa.

"Kita juga bersedia berkongsi kepakaran dalam menguruskan perniagaan tempatan yang dipasarkan menerusi koperasi tempatan," katanya dalam sidang



Banyak koperasi dari luar negara muhau mempelajari dan muhau mencontohi formula yang digunakan dalam pengurusan bidang koperasi yang diuruskan Angkasa."

ABDUL FATTAH ABDULLAH
Presiden Angkasa



akhbar di sini hari ini.

Terdahulu, Abdul Fattah mewakili Angkasa menandatangani perjanjian persefahaman dengan Polytechnic of The Philippines (PUP) yang diwakili oleh Profesor Dr. Rebecca E. Palma.

Menerusi perjanjian tersebut, sebanyak 10 pelajar daripada PUP berpeluang mendapat pendedahan mengenai teknik pengurusan koperasi daripada pelbagai aspek.

Yang turut hadir Timbalan Presiden Angkasa, Mutadho Bahri.

Dalam masa sama, Abdul Fat-

tah berkata, Malaysia terpilih menjadi tuan rumah bagi persidangan Ikatan Koperasi Antarabangsa (ICA) Global yang berlangsung pada 13 hingga 19 November ini berikutan rekod terbaik dalam pencapaian koperasi dalam pelbagai bidang.

Beliau berkata, sehingga kini Angkasa menerima pengesahan penyertaan lebih daripada 800 perwakilan daripada pertubuhan koperasi dari 85 buah negara di seluruh dunia.

Tambah beliau, persidangan selama lima hari itu juga bertujuan untuk memberi kesedaran dan pendedahan mengenai kepentingan menyertai gagasan Komuniti Ekonomi ASEAN dalam memperluaskan rangkaian dua hala.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia